



3 Penyelidik harumkan nama UMP

Tiga penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya merangkul anugerah sempena Malam Citra Inovasi anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang diadakan di Hotel JW Marriott, Putrajaya pada 5 Mac 2013 yang lalu.

Antara penyelidik yang berjaya ialah menerusi reka cipta Teknologi Pengolahan Semula Minyak Pelincir Terpakai kepada Minyak Asas yang membantu mengurangkan kebergantungan kepada minyak mentah asas dara yang lebih murah 20 peratus berbanding harga pasaran serta membantu dalam proses pemulihan rumah hijau berkaitan minyak terpakai dalam penghasilan minyak enjin kenderaan di bawah penyelidikan Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus.

Penyelidik Eng. Abdul Syukor Abd Razak daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) dengan penyelidikannya Pisoptera turut mendapat pengiktirafan iaitu penghasilan produk teknologi hijau yang berasaskan bahan buangan daripada kelapa sawit dikenali sebagai tandan buah kosong (TBK) yang berupaya menghalang serangan anai-anai.

Selain itu, Ustaz Asar Abdul Karim dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) yang menghasilkan perisian komputer bagi mengatasi masalah berkaitan huruf jawi rumi yang dinamakan Asar Font turut memenangi anugerah. Penyelidikan ini berjaya merungki permasalahan perisian jawi yang menggunakan kaedah satu font sahaja dan amat berguna kepada guru j-QAF dalam menyampaikan sesi pembelajaran. Produk jawi ini telah mendapat sambutan di kalangan individu serta organisasi.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Ab. Rahim Bin Md. Noor yang mewakili Menteri Pengajian Tinggi Dato Seri Mohamed Khaled Bin Nordin.

Dalam teks ucapannya beliau memuji kesungguhan penyelidik dalam membudayakan inovasi serta kreativiti kepada masyarakat dengan menghasilkan produk berkualiti dan berguna.

KPT memainkan peranan penting dalam menjadikan inovasi sebagai teras utama yang memacu pembangunan negara dan penganjuran majlis Malam Citra Inovasi ini dapat meningkatkan kerjasama dan hubungan strategi antara IPT dengan industri, agensi pusat, agensi swasta dengan badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan inovasi dan pelabur.

Sementara itu, Asar Abdul Karim yang mencipta Asar Fonts amat menghargai anugerah yang diberikan oleh KPT ini

“Dihargai dan menaikkan semangat kepada para penyelidik kerana berjaya mengkomersialkan produk dan bermanfaat untuk masyarakat”, kata beliau.

Manakala Eng. Abdul Syukor Haji Abd Razak berkata, kejayaan dan pengiktirafan seperti ini dapat mewujudkan persaingan dalam mereka cipta pelbagai produk yang boleh dimanfaatkan bukan sahaja kepada manusia tetapi juga alam sekitar.

Turut hadir pada malam tersebut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim dan sebanyak 94 penciptaan daripada IPTA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti menerima penghargaan pada Malam Citra Inovasi Ini.